

Anwar tempelak Muhyiddin gesa fokus kes mahkamah

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menempelak Tan Sri Muhyiddin Yassin sambil meminta Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu menumpu perhatian kepada kes mahkamah yang sedang dihadapi, daripada mendesak beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Perdana Menteri menegaskan, ketika ini beliau masih mendapat sokongan melebihi majoriti dua pertiga dalam Parlimen.

Katanya, keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) juga menun-

jukkan Pakatan Harapan-Barisan Nasional (PH-BN) menang di tiga negeri.

“Kita mengekalkan kemenangan kita (di tiga negeri) dan mendapat sokongan lebih dua pertiga majoriti Ahli Parlimen. Dia buat fikiran apa?” katanya kepada media selepas melancarkan Majlis Pecah Tanah Residen-si Wilayah dan Residen-si Prihatin madani dan Pusat Penjaja Madani di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian mengulas kenyataan Muhyiddin yang meminta beliau

dan Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, meletak jawatan serta-merta, susulan penolakan pengundi Melayu terhadap PH-BN dalam PRN enam negeri Sabtu lalu.

Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU, dilaporkan berkata kemenangan PN di kerusi majoriti Melayu dan kawasan campuran membuktikan penolakan besar-besaran orang Melayu dan masyarakat bukan Melayu terhadap gabungan politik rapuh serta perpaduan palsu diterajui Anwar dan Ahmad Zahid.